

29 JUN 2003

Isa-Rasuah

RASUAH TURUT ROSAKKAN IMEJ KELUARGA, KATA ISA

SEREMBAN, 29 Jun (Bernama) -- Nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya rakyat negara ini, terutama orang Melayu tidak terlibat dalam amalan rasuah perlu dihayati oleh semua lapisan masyarakat.

Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata amalan rasuah bukan sahaja menghancurkan negara, malah turut merosakkan imej seluruh institusi keluarga perasuah itu sendiri apabila mereka disabitkan kesalahan.

"Justeru itu, ibu bapa, guru dan semua lapisan masyarakat harus bertanggungjawab mendidik anak-anak supaya menghindarkan diri dari amalan yang tidak bermoral ini," katanya ketika ditemui selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan ke-77 Koperasi Anggota-anggota Kerajaan Negeri Sembilan di sini hari ini.

Beliau berkata amalan rasuah bukan sahaja merosakkan imej perasuah, tetapi anggota keluarganya turut menjadi mangsa kerana akan dipandang serong dan mungkin disisihkan oleh masyarakat setempat.

Mohamed Isa diminta mengulas kenyataan Dr Mahathir yang mengingatkan rakyat, khususnya orang Melayu akan bahaya amalan rasuah kerana amalan itu juga mungkin menyebabkan negara jatuh ke tangan perasuah paling teruk.

Dr Mahathir berkata walaupun rakyat mengetahui amalan rasuah adalah salah dan turut menyifatkannya seperti racun, namun masih ramai rakyat mengamalkannya sebagai jalan mudah untuk meraih kekayaan.

Terdahulu, ketika berucap pada majlis berkenaan, Mohamed Isa menasihatkan pihak pengurusan koperasi menjalankan tugas yang diamanahkan kepada mereka dengan jujur dan amanah supaya koperasi terus maju serta dipercayai.

"Apabila koperasi maju dan memberi manfaat kepada semua ahlinya, ini menjadikan sesuatu koperasi itu lebih dipercayai dan ahli akan menyokong setiap perancangan yang dijalankan demi kepentingan koperasi itu," katanya.

Beliau turut mengingatkan semua koperasi supaya sentiasa mencari peluang perniagaan baru bagi menambah pendapatan manakala anggotanya pula diminta menyokong sepenuhnya setiap program serta perniagaan baru yang diceburi.

-- BERNAMA

APG ROS